

Najib orang Pak Lah paling setia

Ikrar pemimpin nombor dua diterjemah dalam bentuk tingkah-laku, kata-kata



SUASANA hingar-bingar di pekarangan Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada pagi minggu lalu harus tidak pun berbeza dengan setiap kali berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno.

Cuma keadaannya sedikit kelam-kabut pada waktu petugas Ibu Pejabat Umno sibuk menyaring di antara siapa yang boleh dan tidak boleh masuk ke dewan berkenaan yang sekadar boleh memuatkan 1,200 orang.

Sesuai dengan ia diuar-uarkan sebagai Majlis Penerangan Bersama Presiden Umno yang julung kali diadakan selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 8 Mac lalu, seolah-olah tiada siapa yang mahu ketinggalan.

Kepada majoriti mereka, majlis Ahad lalu itu menghadirkan kesempatan untuk bertentang mata dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam keadaan berbeza. Kepada segelintir lain, persoalan mereka haruslah apakah akan ada kejutan pada hari itu.

Kebetulan, banyak yang sudah diperkatakan orang sepanjang empat minggu sejak Barisan Nasional (BN) mencatat prestasi terburuknya.

Banyak jugalah khabar angin yang tersebar luas hingga Abdullah sendiri terpaksa dua kali tampil dalam tempoh berkenaan bagi membuat penjelasan bahawa beliau tidak akan melepaskan jawatan.

"Saya masih di sini. Saya masih di sini. Saya masih di sini," begitulah diulangi Perdana Menteri sebanyak tiga kali, barangkali kepada mereka yang tidak faham, pura-pura tidak faham atau sengaja tidak mahu faham.

Sekretariat Biro Penerangan Umno awalnya hanya merencanakan cuma ketua penerangan di peringkat negeri, bahagian dan cawangan serta ketiga-tiga sayap, Wanita, Pemuda dan Puteri - diundang hadir.

Kemudian, semakin hampir kepada majlis itu dan sesudah hebahan mengenainya dibuat menerusi media massa, setengah ketua bahagian turut mendesak agar dipanggil sama. Kesudahannya, ahli Majlis Tertinggi turut tidak mahu terkecuali.

Malah, daripada pertengahan minggu itu lagi, Perdana Menteri seakan-akan menghangatkan kehairan ramai terhadap apa yang ingin disampaikan pada majlis berkenaan.

Maka, berpusu-pusulah mereka yang mendapat pas khas untuk memenuhi setiap kerusi di dalam dewan berkenaan hingga ruang berdiri di sebelah kiri dan kanan turut terisi. Itu pun masih ada berpuluh-puluh lagi yang terkunci di luar.

Turut tidak terlepas pandang ialah Datuk Seri Najib Razak. Senyuman seolah-olah sudah lekang terus dari bibirnya sejak keputusan pilihan raya umum lalu termaklum.

Timbalan Presiden Umno itu sebaliknya dilihat sebagai seorang yang amat serius, tidak lagi melemparkan senyuman, malah lebih daripada itu turut berjarak dalam membuat apa-apa ulasan.

Namun, di sebalik apa pun yang membelenggu fikirannya, Najib pagi itu kembali senyum tanpa sebarang paksaan.

Didahului bacaan doa sebelum bermula majlis pagi itu yang antara lain mendoakan Perdana Menteri dan timbalannya berjinak-jinak antara satu sama lain dan saling bantu-membantu, tepukan paling gemuruh menyusul khusus untuknya ti-

dak lama kemudian.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dalam ucapan alu-aluannya, turut merakamkan penghargaan tertinggi terhadap Najib yang diceritakannya sebagai amat 'solid' di belakng Perdana Menteri dalam mendepani apa pun keadaan.

"Tengok tu, baju pun nak dekat serupa," katanya sambil hadirin tertumpu kepada kedua-duanya yang duduk bersebelahan di pentas utama.

Abdullah pada saat itu turut memusingkan badannya ke arah Najib sambil memberikan tepukan, sesuatu yang dilihat ramai sebagai perakuan Perdana Menteri terhadap sokongan tidak berbelah-bahagi orang nombor duanya.

Harus juga Najib waktu itu terasa amat janggal, diperhatikan dan dijadikan tumpuan umpama murid yang baru hari pertama berpindah sekolah.

"Jangan ingat mudah jadi orang nombor dua," kata seorang pegawainya terhadap pelbagai bualan orang yang mengandaikan apa saja terhadap penampilan berbeza Timbalan Perdana Menteri akhir-akhir ini.

Malah, jika Abdullah digambarkan oleh MUhammad dalam mukadimahnyanya sebelum itu sebagai dipukul empat penjurang angin, Najib tidak terkecuali menerima tamparan yang sama.

Sejak dilantik ke jawatan kedua tertinggi itu pada 7 Januari 2004, Najib tidak pernah walau sekali pun dilihat melawan arus.

Tindak-tanduk serta tutur-bicaranya dipastikannya amat berhati-hati agar seiring dan senada dengan bosnya. Mengikut resmi orang nombor dua yang paling setia, beliau tidak sekadar melafazkan ikrar tetapi turut diterjemahkan dalam bentuk tingkah-laku dan kata-kata.

Itulah juga yang diperlihatkannya ketika BN menghadapi saat-saat paling mencabarnya sambil Abdullah selaku Perdana Menteri, Perigerusi BN dan Presiden Umno harus terus menangkis desakan, baik di dalam BN mahupun Umno sendiri, untuknya memikul tanggungjawab terhadap goyahnya kerajaan BN, dengan berundur secara terhormat.

"Kekuatan Abdullah untuk terus memimpin pada waktu ini hanyalah sekuat sokongan Najib terhadapnya," demikian antara kesimpulan penganalisis asing, yang bagaimanapun akur bahawa keak-

raban kedua-duanya kekal utuh dan tidak mudah untuk dilenturkan.

Tidak juga gara-gara ketajaman lidah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang terbaru tidak lagi menonjolkan Najib sebagai satu-satunya bakal Perdana Menteri pilihannya, sebaliknya kini turut menyebut nama Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, dan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, satu usaha yang dilihat bertujuan untuk mengenakan tekanan terhadap Timbalan Perdana Menteri.

"Tekanan terhadap Datuk Seri (Najib) datang dari pelbagai sudut," akui pegawai itu lagi.

"Paling dibimbangi beliau ialah untuk negara berdepan satu lagi krisis terlalu segera selepas BN mencatat prestasi buruk dalam pilihan raya umum lalu. Baik BN mahupun Umno perlu menghindarkannya pada waktu ini.

Orang boleh berkata apa saja, beliau kurang senyum, kurang mesra, kurang bercakap. Tapi dari sudut lain, apa pula pandangan orang kalau beliau senyum selalu dan tidak berhenti-henti membuat komen itu dan ini? Tidakkah itu akan menimbulkan tanggapan berlawanan juga?

Malah, hanya berselang dua hari selepas pilihan raya umum lalu, Najib sudah pun memperagakan pendiriannya dengan kenyataan bahawa beliau mempunyai persefahaman amat baik dengan Abdullah dan menjadi hasrat semua ahli MT untuk melihat hubungan baik itu kekal.

"Pimpinan tertinggi berada dalam keadaan yakin-meyakini antara satu sama lain. Dengan itu parti lebih kukuh dan padu," katanya.

Tiada siapa sebenarnya harus sangsi dengan persefahaman pemimpin nombor satu dan nombor dua negara pada waktu ini di sebalik pelbagai spekulasi, termasuk kepercayaan ramai terhadap kewujudan 'orang Pak Lah' dan 'orang Najib' di pelbagai peringkat. Perhimpunan Ahad lalu sekadar terus memperjelaskan keserasian mereka.

Harus buat kali pertama juga, Abdullah memanfaatkan majlis itu untuk mengumumkan secara terbuka Najib akan menggantikannya 'apabila tiba masanya' sambil mempertahankan bahawa timbalannya tidak mempunyai masalah dengannya.

Seharusnya, ia sesuatu yang sedia di-

maklumi atau difahami, timbalanlah yang harus menggantikan ketua - tetapi ia amat penting dalam perkembangan mutakhir ini.

"Saya tahu hubungan saya dengan Najib sering dipersoalkan tetapi yang sering saya kata awal-awal lagi, saya memilihnya menjadi timbalan tanpa niat untuk berpolitik dengannya. Saya mahu bekerjasama dengan beliau.

"Ada orang cakap itu 'orang Pak Lah dan itu orang Najib' tidak perlu semua itu. Kita perlu bekerjasama. Jangan biarkan parti pecah-belah kerana perbuatan sesam kita," kata Perdana Menteri yang mengharapkan kekuatan Umno dapat dikembalikan seperti asal apabila Najib mengambil alih kepemimpinan parti nanti.

Reaksi di dalam dewan pada waktu itu cukup untuk menyimpulkan aspirasi sebenar di dalam Umno di sebalik segelintir cuma yang mahukan ia berlainan.

Teriakan sesetengah mereka sejurus Abdullah membuat pengumuman demikian, harus turut menjadi rangsangan tambahan kepada Perdana Menteri bahawa keputusannya untuk tidak berganjak adalah tepat.

"Saya akan bersara juga suatu hari nanti dan saya tidak mahu berkuasa lebih lama daripada yang sepatutnya," jelas Pak Lah. "Tetapi ada perkara yang perlu saya lakukan sekarang. Saya tidak boleh berundur ketika parti berada dalam keadaan sekarang.

"Datuk Seri Najib Razak sebagai pengganti saya kelak memahami keadaan ini dia memahami saya lebih daripada anda memahami saya."

Keesokannya, Najib sendiri mengakui amat terharu.

"Saya berterima kasih dan terharu di atas kepercayaan dan keyakinan Perdana Menteri. Semalam (kelmarin), kali pertama PM menzahirkai secara terbuka dan saya amat menghargai keyakinan PM."

Sesudah Abdullah dan Najib masing-masing menyatakan pendirian, apakah ia harus dianggap penting apabila ada orang lain menyatakan sesuatu yang berlawanan?

"Sesiapa saja boleh mengingati Datuk Seri Najib sentiasa setia kepada kepemimpinan dalam sebarang krisis pada masa lalu," kata pegawainya lagi. "Beliau akan terus setia."



SALING MEMBANTU: Najib dan Abdullah pada Majlis Penerangan Bersama Presiden Umno, minggu lalu.